



Ruj. Kami : PSIS/03/01/5-33 Jld. 21 (8)
Tarikh : 23 Mei 2016

Saudara/saudari,

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2016

Sukacita saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan anda ditawarkan tempat pengajian di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Selangor Darul Ehsan. Adalah dimaklumkan bahawa saudara/saudari **ditawarkan kemudahan KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR.**

2. Semua calon pelajar dikehendaki **mematuhi dan melaksanakan** perkara-perkara berikut:
 - i. **Menjelaskan semua pembayaran di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti dalam **Jadual Pembayaran**. Bayaran boleh dibuat mulai **27 Mei 2016 (Jumaat)**.
 - ii. Melayari laman web rasmi PSIS : www.psis.edu.my di bawah tajuk, **“PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2016”** untuk melaksanakan perkara berikut:
 - a. Memuat turun dan mencetak **Buku Panduan Pendaftaran**
 - b. Memuat turun dan mencetak **Borang Pendaftaran Pelajar Baharu Politeknik (BHEP 1 – BHEP 6)**
 - iii. Melaksanakan proses **pendaftaran on-line melalui SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar) 24 jam** selepas membuat pembayaran di laman web : <http://spmp.psis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> Cetakan slip pengesahan pendaftaran perlu dibawa pada hari pendaftaran. Sistem pendaftaran *on-line* akan diaktifkan mulai **27 Mei 2016 (Jumaat)**. Tatacara pendaftaran *on-line* disediakan di dalam Buku Panduan Pendaftaran.
3. PSIS **TIDAK** menjamin sebarang bentuk bantuan biasiswa/kewangan kepada pelajar. Bagi pelajar yang berminat untuk mendapatkan bantuan biasiswa/kewangan seperti PTPTN, JPA, Yayasan Negeri atau mana-mana penaja, dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya memohon (sekiranya layak) biasiswa/pinjaman daripada penaja berkenaan **sebelum mendaftar ke PSIS**. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Politeknik KPT untuk tujuan tersebut. Maklumat lanjut berkaitan tajaan disediakan di dalam Buku Panduan Pendaftaran.
4. Proses pendaftaran akan berlangsung sepertimana yang telah ditetapkan di dalam jadual pendaftaran yang disertakan. Kerjasama daripada anda dalam **mematuhi masa pendaftaran** amat diperlukan dan dihargai bagi memastikan proses pendaftaran berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, selamat belajar dan semoga berjaya.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(ABD RASHID BIN MOHD ALI)
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
b.p. Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah
Selangor Darul Ehsan.

Arahan kepada semua calon pelajar

- i. Mematuhi masa pendaftaran yang telah ditetapkan
- ii. Mematuhi etika pakaian dan rupa diri semasa mendaftar
{ **Rujuk Tentatif Minggu Suai Kenal (MSK) sesi Jun 2016** di dalam Buku Panduan Pendaftaran}
- iii. Hanya calon pelajar sahaja yang dibenarkan berada di lokasi pendaftaran.

Jadual Pendaftaran dan MSK Pelajar Baharu Sesi Jun 2016

Tarikh	Masa	Tempat	Aktiviti
13 Jun 2016 (Isnin)	8.30 pagi – 11.00 pagi	Dewan Serbaguna, PSIS	Pendaftaran Pengajian & Penginapan Kolej Kediaman Pelajar
	9.00 pagi – 12.30 t/hari	Blok Kolej Kediaman Pelajar	Daftar masuk ke bilik penginapan
	12.30 t/hari – 2.00 ptg		Pengurusan diri
	2.30 ptg	Dewan Serbaguna, PSIS	Taklimat MSK
14 – 16 Jun 2016 (Selasa – Khamis)	5.00 pg – 9.00 mlm	Dewan Serbaguna, PSIS	Aktiviti Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Baharu Sesi Jun 2016
17 Jun 2016 (Jumaat)	8.00 pagi	Jabatan Akademik	Aktiviti dengan jabatan dan Pendaftaran Kursus sesi Jun 2016
18 – 19 Jun 2016 (Sabtu & Ahad)	8.00 pagi	Blok Kolej Kediaman Pelajar	Khidmat diri dan aktiviti pelajar di Kolej Kediaman Pelajar
20 Jun 2016 (Isnin)	8.00 pagi	Jabatan Akademik	Perkuliahahan bermula bagi sesi Jun 2016

JADUAL PEMBAYARAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN

PERINGATAN :

Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan ketika membuat pembayaran yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di Bank Islam (M) Berhad (BIMB). Pihak Politeknik KPT tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.

- a. Semua bayaran **PERLU DIJELASKAN** sebelum hari pendaftaran pada **13 Jun 2016**.
- b. **SEMUA PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya anda menarik diri atau berhenti daripada Politeknik Sultan Idris Shah.
- c. Calon yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama semasa mendaftar **salinan asal surat pengesahan penajaan**. Calon **perlu menjelaskan semua pembayaran walaupun mendapat tajaan**. Pihak PSIS akan membuat tuntutan kepada agensi berkenaan. Semua pembayaran yang telah dibuat oleh pelajar akan dikembalikan setelah pihak PSIS menerima pembayaran daripada agensi tersebut.
- d. **Bayaran melalui cek peribadi atau Money Order atau Postal Order dan TUNAI TIDAK DI TERIMA**.

BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN :

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	Kaedah Bayaran*
1	Yuran Pengajian**	200.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB
2	Yuran Asrama** (Bayaran tidak termasuk makan dan minum)	60.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB
3	Bayaran Pelbagai	600.00	- Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz) , atau - Mesin ATM BIMB , atau - Mesin <i>Cash Deposit</i> (CDM) BIMB , atau - Perkhidmatan Kaunter BIMB

Nota :

* Sila rujuk **Tatacara Membayar Yuran Pengajian, Yuran Asrama dan Bayaran Pelbagai**

** Bayaran untuk satu semester

TATACARA MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN, YURAN ASRAMA DAN BAYARAN PELBAGAI DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

MAKLUMAT PENTING

- i. Semua pelajar hendaklah **mematuhi arahan ketika membuat pembayaran** yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai di BIMB. Pihak Politeknik KPT **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran semua yuran.
- ii. Semua pelajar hendaklah **menyemak nombor akaun dan jumlah pembayaran selepas membuat bayaran**. Sebarang kesilapan perlu dilaporkan ke BIMB dengan **SEGERA**.

TATACARA PEMBAYARAN

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a. Perkhidmatan Kaunter BIMB
- b. Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz)
- c. Mesin ATM BIMB
- d. Mesin *Cash Deposit* (CDM) BIMB

A. PEMBAYARAN DI KAUNTER BIMB (HANYA UNTUK BAYARAN PELBAGAI SAHAJA)

Calon boleh membuat bayaran di mana-mana kaunter cawangan BIMB dengan melengkapkan Borang Slip Pembayaran Bil seperti berikut:

BANK ISLAM
DEPOSIT TUNAI / DEPOSIT CEK / PEMBAYARAN BIL
CASH DEPOSIT / CHEQUE DEPOSIT / BILL PAYMENT
SALINAN BANK / BANK'S COPY
C 779328

1. Nama Pelajar
2. No Akaun : 12056 - 01 - 0027121
3. Amaun : RM600.00
4. Bayar Kepada : KOPERASI - HEP PSIS
5. Jenis Bayaran : BAYARAN PELBAGAI
6. No. My KAD Pelajar

(Sila simpan salinan pendua Borang Slip Pembayaran Bil yang akan dikembalikan oleh pihak bank sebagai bukti pembayaran)

B. PEMBAYARAN MELALUI PERBANKAN INTERNET (bankislam.biz)

1. Pembayar perlu mempunyai akaun **BIMB** dan ID untuk mengakses perbankan internet Bank Islam. Sila layari www.bankislam.com.my
 - a) Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts".
 - b) Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
 - c) Pilih "Bill Presentment" pada menu "Bill Payment".
 - d) Pilih "**Politeknik KPT**" (yuran pengajian dan asrama) / "**Koperasi - HEP PSIS**" (bayaran pendaftaran) pada senarai payee corporation.
 - e) Masukkan "No Kad Pengenalan" pada ruang IC/Passport number dan klik "next".
 - f) Klik 'select' pada bill reference untuk paparan maklumat pembayaran
 - g)* Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan dan masukkan jumlah amaun yang hendak dibayar dan klik "pay"
 - h) Maklumat bayaran dipamirkan untuk tujuan varifikasi. Klik 'confirm' untuk pengesahan pembayaran.
 - i) Cetak pengesahan pembayaran sebagai bukti pembayaran.

Nota *:

Pelajar **PERLU melaksanakan proses pembayaran secara berasingan bagi setiap bayaran (yuran pengajian / yuran asrama / bayaran pelbagai) yang dibuat.*

(Calon adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.)

C. PEMBAYARAN MELALUI MESIN ATM BIMB

Pembayar perlu mempunyai akaun **BIMB**.

Selepas Login

PILIHAN MENU:

1. Pilih butang: **LAIN-LAIN**
2. Pilih butang : **PEMBAYARAN BIL & YURAN IPT**
3. Pilih butang : **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**
4. Pilih butang : **PENGESAHAN NO AKAUN OLEH PEMILIK AKAUN**
5. **MASUKKAN NO KP PELAJAR (contoh : 970412105393)**
6. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

- **POLI S BERNAM**
NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)
- **POLITEKNIK KPT**
17(6 digit)RM200
- **POLITEKNIK KPT**
17(6 digit)RM60

Nota :

POLI S BERNAM
(NO KP PELAJAR) → Bayaran Pelbagai

POLITEKNIK KPT
17(6 DIGIT)RM200 → Yuran Pengajian

POLITEKNIK KPT
17(6 DIGIT)RM60 → Yuran Asrama

Rujukan:

17 : Kod Politeknik (PSIS)

6 Digit : *Running Number* BIMB

RM200 / RM60 : Jumlah bayaran

* Ulang Langkah 1-6 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM60) / bayaran pelbagai (RM600) } yang dibuat.

(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)

D. MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BIMB

Tekan Butang "MASUK"

PILIHAN MENU:

1. Pilih butang : **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**
2. Masukkan **NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)**
3. Paparan Yuran : **PILIH JENIS BAYARAN**

- **POLI S BERNAM**
NO KP Pelajar (contoh : 970412105393)
- **POLITEKNIK KPT**
17(6 digit)RM200
- **POLITEKNIK KPT**
17(6 digit)RM60

Nota :

POLI S BERNAM
(NO KP PELAJAR) → Bayaran Pelbagai

POLITEKNIK KPT
17(6 DIGIT)RM200 → Yuran Pengajian

POLITEKNIK KPT
17(6 DIGIT)RM60 → Yuran Asrama

Rujukan:

17 : Kod Politeknik (PSIS)

6 Digit : *Running Number* BIMB

RM200 / RM60 : Jumlah bayaran

* Ulang Langkah 1-3 untuk melaksanakan proses pembayaran bagi setiap bayaran { yuran pengajian (RM200) / yuran asrama (RM60) / bayaran pelbagai (RM600) } yang dibuat.

(Sila simpan resit anda sebagai bukti pembayaran)